

Lelaki mengaku mencuri kenderaan dipenjara setahun

SIBU: Mahkamah Majistret disini, semalam menjatuhkan hukuman penjara setahun ke atas seorang lelaki yang mengaku bersalah atas pertuduhan mencuri sebuah kenderaan pacuan empat roda pada Disember tahun lepas.

Tertuduh, Yeo Chee Ho, 42, diperintah oleh Majistret Oon Kork Chern menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh tangkapan iaitu 22 Januari 2026.

Terdahulu, Yeo didakwa atas pertuduhan mencuri sebuah kenderaan pacuan Toyota Hilux dari sebuah bengkel syarikat di Batu 12, Jalan Sibu-Bintulu pada 2 Disember 2025, jam 7 pagi.

Bagi pertuduhan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 379A(1) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi tujuh tahun dan juga denda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga pekerja syarikat telah meletakkan kenderaan pacuan empat roda di dalam bengkel milik syarikat setelah menggunakan kenderaan tersebut untuk menghantar silinder gas.

Pada 4 Disember 2025, kira-kira jam 9 pagi, pengadu

mendapati kenderaan tersebut telah hilang dipercayai dicuri lalu membuat laporan polis.

Pada 22 Januari 2026, jam 2 petang, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh di tepi Jalan Datuk Micheal Ben, Serian bagi membantu siasatan.

Siasatan yang dijalankan kemudian mendapati tertuduh telah memandu kenderaan yang dicuri itu ke Serikin, Bau untuk dijual.

Pendakwa kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa ASP Sokolinkam Changgan, sementara tertuduh tidak diwakili.